

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN  
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

**TARIKH : 18 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8984**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah permit dan lesen senjata api yang telah dikeluarkan kepada Syarikat Nilai Arms and Ammunition Sdn Bhd sejak Januari 2013 hingga April 2016, serta apakah kategori serta jenis senjata api tersebut.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kedai menjual senjata api hanya melibatkan permit mengimport senjata api bagi tujuan membawa senjata api dan keperluan daripada negara pengeluar. Jumlah had pembelian (stok kedai) mestilah tidak melebihi jumlah had yang telah ditetapkan dalam kelulusan sesuatu permit import.**

**Kategori dan jenis senjata api yang diniagakan oleh syarikat Nilai Arms And Ammunition Sdn. Bhd adalah jenis senapang patah, rifle, pistol, revolver, senapang angin dan pistol pelepas.**